



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,  
GOVERNMENT AND COMMUNICATION  
(IJLGC)  
[www.ijlgc.com](http://www.ijlgc.com)



**DASAR BEKERJA DARI RUMAH (BDR) DAN  
KESEJAHTERAAN KELUARGA: KAJIAN KES DI SABAH DAN  
SARAWAK**

*THE WORK FROM HOME POLICY (WFH) AND THE FAMILY WELL-BEING: A  
CASE OF SABAH AND SARAWAK*

Mohd Sohaimi Esa<sup>1</sup>, Romzi Ationg<sup>2\*</sup>, Irma Wani Othman<sup>3\*</sup>, Abang Razif Abang Muis<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.

Emel: msohaimi@ums.edu.my

<sup>2</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.

Emel: mrationg@ums.edu.my

<sup>3</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.

Emel: irma@ums.edu.my

<sup>4</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.

Emel: amrazif@ums.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 15.06.2022

Revised date: 20.07.2022

Accepted date: 30.08.2022

Published date: 29.09.2022

**To cite this document:**

Marinsah, S. A., Ationg, R., Othman, I. W., & Muis, A. R. A. (2022). Dasar Bekerja Dari Rumah (BDR) Dan Kesejahteraan Keluarga: Kajian Kes Di Sabah Dan Sarawak. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7 (29), 642-657.

DOI: 10.35631/IJLGC.729043.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

**Abstrak:**

Pada 18 Mac 2020, kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara dalam usaha membendung pandemik Covid-19. Pandemik Covid-19 menjadi isu kesihatan global yang memberi impak besar terhadap perubahan cara hidup masyarakat. Hal ini telah menjurus kepada pengenalan polisi atau dasar Bekerja Dari Rumah (BDR) yang mana pelaksanaan polisi ini telah memberi kesan kepada kesejahteraan keluarga di negara ini, khususnya di Sabah dan Sarawak. Namun tidak dapat diketahui secara khusus sejauhmanakah polisi ini telah menjadi penentu kepada kesejahteraan keluarga di Sabah dan Sarawak. Sehubungan itu, kajian dilakukan bagi menilai impak pelaksanaan dasar BDR terhadap kesejahteraan keluarga di Sabah dan Sarawak dengan mengaplikasikan pendekatan mixed-method apabila data diperolehi menggunakan borang soal selidik, sumber sekunder dan temubual dengan kumpulan fokus. Dapatan kajian mengesahkan bahawa pelaksanaan dasar BDR telah memberi impak signifikan terhadap kesejahteraan keluarga di Sabah dan Sarawak. Ini bermakna dasar BDR merupakan antara faktor penting yang menentukan kesejahteraan keluarga. Oleh itu, penilaian lanjut berkaitan mekanisma terbaik pelaksanaan dasar BDR perlu dilakukan bagi memastikan pengenalan polisi

serupa pada masa akan datang tidak mendatangkan impak negatif terhadap kesejahteraan keluarga.

**Kata Kunci:**

Dasar Bekerja Dari Rumah, Kesejahteraan Keluarga, Sabah, Sarawak

**Abstract:**

On 18 March 2020, the Malaysian government declared the implementation of the Movement Control Order (MCO) throughout the country in an effort to curb the Covid-19 pandemic. The Covid-19 pandemic has become a global health issue as it has had a huge impact on the changing of the way people live. This led to the introduction of the Work From Home (WFH) policy, a policy implementation that has had impacted on the well-being of families in this country, especially in Sabah and Sarawak. Having said that, however, it is unclear how far the policy implementation actually has determined the well-being of families in Sabah and Sarawak. Accordingly, a study was conducted to understand the impacts of WFH policy on the well-being of families in Sabah and Sarawak through the application of mixed-method approach as the data were obtained using survey questionnaires, secondary sources and interviews with focus groups. The data affirm that the WFH policy implementation has had a significant impact on the well-being of families in Sabah and Sarawak. This suggests that the WFH policy is among the key determinant factors in the well-being of families. Therefore, further evaluation the the best mechanism pertaining to the implementation WFH policy is needed as a means of ensuring the introduction of similar policies in the future will not affect on the family well-being negatively.

**Keywords:**

The Work From Home Policy, Family Well-Being, Sabah, Sarawak

## Pendahuluan

Dasar Bekerja Dari Rumah (BDR) atau *Work From Home* (WFH) mula popular di Malaysia selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020. PKP diperkenalkan sebagai usaha serius kerajaan untuk membendung pandemik Covid-19 yang menjadi isu kesihatan global ketika itu. BDR bermaksud kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan di premis tertentu tanpa perlu hadir ke pejabat. Premis ini dengan lebih tepatnya merujuk kepada tempat tinggal atau rumah kediaman kakitangan tersebut. Dasar BDR memperuntukkan pekerja untuk melaksanakan tugas hakiki dan tugas rasmi dari rumah pada hari bekerja sama ada sepenuh hari atau separuh hari. Hanya individu yang terlibat dalam perkhidmatan kritikal seperti bahagian keselamatan dan pusat kesihatan sahaja yang dibenarkan bertugas di pejabat pada ketika itu. Walau bagaimanapun, dasar BDR dalam tempoh endemik Covid-19 kini masih diteruskan lagi dengan terdapatnya pengubahsuaian mengikut keperluan dan situasi, serta jenis pekerjaan sama ada sektor kerajaan mahupun swasta. Ini memberi gambaran bahawa BDR mempunyai impak terhadap kesejahteraan keluarga. Justeru, perbincangan kertas kerja ini memberi tumpuan kepada dapatan kajian tentang persoalan sejauh manakah dasar BDR telah menjadi salah satu faktor penentu kepada kesejahteraan keluarga. Kajian kes ini dilakukan di kawasan terpilih di Sabah dan Sarawak. Petunjuk kepada kesejahteraan keluarga yang digunakan bagi kajian ini pula meliputi minat dan kecenderungan pekerja, isu kos sara hidup dan penjagaan anak, serta kesediaan amalan

bekerja dari rumah, terutamanya kemudahan prasarana dan pengetahuan digital. Namun, sebelum perbincangan lanjut dilakukan tentang dapatan kajian yang dimaksudkan maka permasalahan kajian adalah perlu dibincangkan serta dihuraikan bagi memberi peluang kepada pemahaman tentang isu yang dikaji.

### **Permasalahan Kajian**

Di Malaysia, dasar Bekerja Dari Rumah (BDR) boleh dianggap sebagai suatu norma yang baharu yang menjadi amalan penduduk secara keseluruhannya berikutan pandemik Covid-19. Dasar ini mula dilaksanakan sejajar dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020. Pengistiharan bagi pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini dilakukan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 yang mana ianya semata-mata bertujuan mengawal penularan virus Covid-19. Susulan pelaksanaan PKP ini, perintah berkurung dilaksanakan di seluruh negara apabila penduduk secara keseluruhannya mengambil keputusan menutup perkhidmatan yang tidak penting dan mengharamkan perhimpunan beramai-ramai supaya usaha memastikan kadar kes Covid-19 dapat diminimumkan di hospital berlaku. Golongan yang dibenarkan bertugas di pejabat pula terdiri daripada mereka yang terlibat dengan perkhidmatan kritikal seperti bahagian keselamatan dan pusat kesihatan. Namun bagi sektor pekerjaan yang kurang kritikal pula, pihak majikan sama ada kerajaan mahupun swasta telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan dasar BDR dengan harapan tindakan tersebut dapat diteruskan tanpa menjejaskan kualiti, produktiviti dan penyampaian perkhidmatan.

Dalam konteks Perkhidmatan Awam Persekutuan, dasar BDR telah diperuntukkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPSSM) Ceraian SR.4.1.2.. maka dengan itu, dasar BDR bagi perkhidmatan awam persekutuan telah berkuat kuasa secara rasmi pada 1 Januari 2021. Susulan pelaksanaan tersebut maka semua agensi kerajaan telah mengeluarkan Garis Panduan BDR bagi memastikan tahap penyampaian perkhidmatan kekal berada pada kedudukan yang baik dan tidak mengganggu sebarang operasi semasa. Sebagai contoh, pekerja tidak perlu merekodkan kehadiran sepanjang tempoh waktu bekerja dari rumah. Rekod kehadiran pekerja dengan status bekerja dari rumah turut dibuat secara automatik. Namun kerajaan telah menetapkan supaya kakitangan awam wajib bersedia untuk dihubungi oleh ketua jabatan dalam tempoh waktu bekerja. Ada kalanya sistem penggiliran bekerja dilaksanakan dengan bilangan kehadiran yang minimum pada tempoh masa atau hari bekerja dan mendapat surat kebenaran untuk hadir bertugas. Sebarang mesyuarat pula disyaratkan supaya menggunakan platform mesyuarat atas talian seperti Google Meet, Zoom atau Webex. Pekerja juga dibenarkan untuk membawa pulang aset keperluan bekerja dari rumah seperti laptop (komputer riba) dan dokumen tertentu, kecuali dokumen terperingkat. Mereka juga diminta untuk menjaga dan mengekalkan keselamatan dokumen, serta kerahsiaan maklumat rasmi sepanjang tempoh bekerja dari rumah. Mereka juga dikehendaki untuk sentiasa peka terhadap sebarang perkembangan yang dilaporkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Ini secara langsung menggambarkan bahawa pelaksanaan dasar BDR dicirikan oleh wujudnya banyak kelonggaran diberikan kepada pekerja oleh pihak majikan. Namun demikian, timbul persoalan tentang sejauhmanakah dan bagaimanakah dasar BDR ini telah menjadi penentu kepada kesejahteraan keluarga.

Secara prinsipnya, dengan pelaksanaan dasar BDR kerajaan beranggapan bahawa pekerja akan berada lebih lama di dalam rumah berbanding di luar sebagaimana kebiasaannya ketika mereka dipertanggungjawabkan hadir bertugas di pejabat. Masa yang diperuntukkan untuk membuat persiapan dan kesesakan jalan raya ketika perjalanan dapat dikurangkan sama ada pergi

mahupun balik dari pejabat. Oleh itu, masa yang terluang boleh digunakan untuk pelbagai aktiviti. Malahan, ketika mereka berada di rumah, mereka juga boleh memperuntukkan masa yang lebih lama bersama keluarga. Ini sudah tentunya menjurus kepada pengukuhan hubungan silaturahim sesama ahli keluarga. Aktiviti kekeluargaan dapat dilakukan seperti memasak, menanam dan mengemas rumah, disamping tugas menjaga dan membimbing anak-anak. Hal ini lebih dapat dirasai oleh pekerja yang telah berumah tangga, khususnya dalam kalangan wanita. Perihal yang penting juga mereka dapat menjimatkan perbelanjaan yang melibatkan masa perjalanan, kos makanan dan isu penjagaan anak. Justeru, dasar BDR bolehlah dianggap mempunyai kebaikannya tersendiri seperti keseimbangan antara alam pekerjaan dengan keperluan kehidupan. Malah dalam sektor pekerjaan tertentu dasar BDR ini sesuai dilaksanakan tanpa menjejaskan kecekapan, kualiti dan produktiviti (Ipsen, Veldhoven, Kirchner & Hansen, 2021).

Menyedari hakikat ini, perlulah ditegaskan bahawa dengan pengenalan dasar BDR, kerajaan telah menggubal beberapa polisi yang bersesuaian demi menjaga kebajikan pekerja dengan perkiraan tanpa menjejaskan kecekapan dan kualiti perkhidmatan. Antara yang menarik yang boleh dijadikan contoh ialah apabila pihak kerajaan telah memutuskan supaya BDR diberikan kepada pekerja kematian suami atau isteri sebaik sahaja tempoh tiga hari Cuti Tanpa Rekod (CTR) selaras dengan peruntukan berkaitannya dalam MyPSSM Ceraian SR.5.2.1. Hal ini bertitik mula dengan ucapan Perdana Menteri sempena sambutan Hari Wanita 2022 pada 8 Mac 2022 apabila beliau menekankan bahawa tempoh pemberian BDR ini tidak melebihi dua minggu termasuk Hari Kelepasan Mingguan, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dengan tertakluk kepada pertimbangan Ketua Jabatan. Pendek kata, BDR bukan lagi sekadar berkaitan dengan kes penyakit berjangkit seperti Covid-19, tetapi juga hal yang bersangkutan dengan isu kesejahteraan keluarga. Sungguhpun demikian, dasar BDR mempunyai kelemahan tertentu seperti isu disiplin, fokus, produktiviti dan kualiti kerja (Saludin, Karia & Hassan, 2020). Dalam erti kata yang lain, pelaksanaan dasar BDR ini boleh dijadikan asas penilaian perubahan kesejahteraan keluarga di negara ini Malaysia, khususnya di Sabah dan Sarawak. Namun tidak dapat diketahui secara khusus sejauhmanakah dasar BDR ini telah menjadi penentu kepada kesejahteraan keluarga di Sabah dan Sarawak. Sehubungan itu, kajian dilakukan bagi menilai impak pelaksanaan polisi BDR terhadap kesejahteraan keluarga di Sabah dan Sarawak.

### **Sorotan Karya / Kajian Lepas**

Kajian yang berkaitan dengan dasar BDR boleh dianggap sebagai suatu bidang kajian yang masih amat baharu berikutan sifatnya sebagai bidang kajian yang masih kurang diberikan penekanan di era digital pada abad ke-21 ini. Namun, kajian atau karya lepas tentang BDR semakin ditekankan pada masa kini berikutan kesignifikannya terhadap pelbagai aspek kehidupan manusia. Kesignifikanan BDR ini boleh dilihat dari pelbagai perspektif sama ada di pihak majikan mahupun pekerja, khususnya bagi aspek isu dan kebaikan pelaksanaan BDR. Antara isu yang dihadapi oleh pelbagai pihak semasa pelaksanaan dasar BDR ialah permasalahan seperti kekurangan pengetahuan teknologi dan digital, konflik tugas berkaitan pejabat dan tanggungjawab di rumah, penurunan kawalan dan penyeliaan daripada rakan sepejabat dan penyelia, serta jurang komunikasi antara pihak atasan dengan pihak bawahan (Shareena & Shahid, 2020). Terdapat karya yang telah memberikan penjelasan tentang hal ini iaitu karya oleh Bakotic dan Babic (2013). Dalam karya mereka, Bakotic dan Babic (2013) menjelaskan bahawa persekitaran kerja mempengaruhi kepuasan kerja kerana pekerja akan lebih gemar bekerja dalam persekitaran kerja yang kurang berisiko. Mereka turut memberi penjelasan bahawa secara relatifnya, bekerja di pejabat adalah lebih kondusif dan lebih

produktif berbanding dengan BDR. Namun, Awan & Tahir (2015) mendapati bahawa BDR juga memerlukan suasana yang kondusif dan ideal bagi memastikan terhasilnya produktiviti dan membantu pekerja menumpukan perhatian kepada tugas mereka. Bagi menyokong dapatan kajian seumpama ini, maka kajian yang dilakukan oleh Rahman, Jasmin dan Schmillen (2020) turut menganggarkan bahawa terdapat 65% pekerjaan tidak dapat dilakukan atau dilengkapkan dengan jayanya disebabkan oleh timbulnya pelbagai masalah seperti isu akses kepada internet dan ketiadaan peralatan asas (Nornadia, 2020; Tumin, 2020).

Malahan, kajian Collins (2009) turut menambah bahawa sememangnya pekerja yang BDR akan terasing daripada rakan sekerja dan ini menyebabkan majikan bimbang terhadap produktiviti mereka. Nornadia (2020) pula mendapati bahawa kesukaran untuk mengakses fail maklumat dan data yang bersifat sulit, masalah perkakasan, dan sumber maklumat boleh menjejaskan produktiviti dalam menyelesaikan kerja. Dari sudut yang lain, Nornadia (2020) juga mendapati bahawa integriti dalam kalangan pekerja juga menjadi persoalan utama semasa BDR. Menurut beliau, integriti merupakan faktor yang penting kerana ia mempengaruhi perasaan, kerjaya, kewangan dan budaya kerja fizikal kakitangan semasa melakukan kerja. Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia juga berpendapat bahawa terdapat beberapa gangguan sepanjang pekerja BDR, terutama daripada segi integriti, kepercayaan, dan tahap disiplin yang tinggi (Nornadia, 2020). Kajian Hamdani, Fakhruddin & Fakhruddin (2001) mendapati bahawa pekerja BDR berada di tahap sederhana semasa tempoh PKP apabila isu integriti pekerja dikaitkan dengan faktor hasil produktiviti. Namun begitu, dasar BDR tetap menjadi salah satu alternatif dalam menangani pandemik Covid 19 dan pelaksanaan PKP.

Disebalik hakikat tersebut, sorotan kajian lepas ini memberi petunjuk bahawa kajian khusus tentang hubungkait diantara dasar BDR dan kesejahteraan keluarga masih kurang diberikan penekanan. Justeru, terdapat keperluan supaya golongan penyelidik memberikan tumpuan atau melakukan kajian berkaitan hubungan diantara dasar BDR dan kesejahteraan keluarga.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan mixed-method dalam usaha mengumpul maklumat kajian. Kaedah mixed method merujuk kepada penggunaan kaedah kuantitatif dan kualitatif bagi mendapatkan maklumat atau data kajian yang diperlukan. Penggunaan kaedah ini bertujuan meminimumkan kekurangan atau ketidaktepatan dapatan kajian kerana menurut Johnson dan Onwuegbuzie (2004), Rahman, Ationg dan Zulhaimi (2017), Ationg, Ibrahim, Esa dan Layapan (2020), serta Esa dan Ationg (2020), sesuatu kajian sewajarnya tidak bergantung kepada kaedah kuantitatif sahaja. Ini kerana maklumat yang diperolehi dengan menggunakan kaedah kuantitatif ada kalanya tidak lengkap atau tidak menggambarkan fenomena sebenar aspek-aspek yang dikaji. Oleh itu, kaedah kualitatif perlu digunakan sebagai pelengkap kepada kaedah kuantitatif dan begitulah sebaliknya berikutan kedua-dua kaedah ini masing-masing mempunyai kelebihan dan kelemahan. Sebagaimana menurut Abdullah Ibrahim (2001), kaedah kuantitatif memerlukan data yang bernombor dan melibatkan ujian empirikal untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaannya. Kaedah kualitatif pula lebih subjektif keadaannya apabila data yang diperolehi selalunya melalui penglibatan langsung seperti memerhati, menyentuh, dan berperilaku sendiri yang membolehkan kutipan data dibuat secara terperinci dan first hand. Oleh itu ianya tidak memerlukan subjek kajian yang besar. Data yang dikutip mengikut tatacara kualitatif tidak memerlukan ukuran numerikal dan tidak perlu membuat rumusan.

Sementara itu, populasi bagi kajian ini ialah golongan wanita berkerjaya samada bekerja sebagai kakitangan kerajaan, swasta mahupun bekerja sendiri. Memandangkan saiz populasi yang agak besar maka sejumlah responden dipilih bagi tujuan mendapatkan data kuantitatif dan kualitatif menggunakan pendekatan 'purposive sampling'. Berdasarkan penggunaan kaedah ini maka terdapat sejumlah 10 orang dipilih sebagai kumpulan fokus untuk sesi temutanya bagi mendapatkan data kualitatif dan sejumlah 267 responden dipilih untuk memberikan maklumbalas ke-atas borang soal selidik yang dibentuk untuk mendapatkan maklumat kuantitatif. Sesi temubual dengan responden bagi tujuan mendapatkan data kualitatif dan responden bagi tujuan mendapatkan maklumat kuantitatif bermastautin di daerah Kota Kinabalu, Sandakan, Tuaran dan Ranau di Sabah, serta Kuching, Bintulu dan Mukah di Sarawak. Temubual dijalankan di premis tempat tinggal mahupun tempat bekerja responden bagi tujuan mendapatkan data kualitatif. Manakala soal selidik diedarkan melalui pautan Google Form kepada responden kerana ia memudahkan proses pengumpulan data. Dengan mengaplikasikan pendekatan mixed-method ini maka data yang diperolehi menggunakan borang soal selidik, sumber sekunder dan temubual dengan kumpulan focus dapat menyumbang kepada hasil kajian yang lebih baik.

### Dapatan dan Perbincangan

Seluruh hasil kajian dipaparkan dan dibincangkan dalam bahagian ini. Secara khususnya bahagian ini membincangkan tentang maklumat latar belakang responden, serta maklumbalas responden terhadap semua persoalan berkaitan hubungan diantara dasar BDR dan kesejahteraan keluarga.


### Maklumat Latarbelakang Responden

Maklumat latar belakang responden secara keseluruhan yang meliputi negeri di mana responden bermastautin, kawasan penempatan, dan pekerjaan semasa. Rajah 1, 2 dan 3 memaparkan hasil analisis berkaitan maklumat latarbelakang responden bagi kajian ini. Rajah 1 menunjukkan maklumat asal atau nama negeri di mana responden bagi tujuan mendapatkan maklumat kuantitatif bermastautin. Berdasarkan data yang dipaparkan, adalah didapati bahawa majoriti responden (68.5%) berasal dari Sabah dan selebihnya berasal dari Sarawak (31.5%). Disebalik pecahan tersebut, daripada sejumlah 10 orang individu yang terlibat dengan sesi temubual terdapat seramai 5 orang (50.0%) adalah warga Sabah dan baki 5 orang (50.0%) adalah warga Sarawak.

**Rajah 1: Taburan Responden Mengikut Negeri**

NEGERI

267 responses




Kajian ini juga mengambilkira maklumat kawasan penempatan responden dan kumpulan fokus. Dalam pada itu, Rajah 2 menunjukkan bahawa terdapat sebilangan besar iaitu 58.8% daripada sejumlah 267 responden adalah mereka yang tinggal di kawasan luar bandar. Selebihnya adalah terdiri daripada mereka yang berasal dari bandar (41.2%). Bagi kumpulan fokus pula, didapati bahawa sejumlah 6 orang informan (60.0%) berasal dari kawasan luar bandar dan hanya sejumlah 4 orang (40.0%) berasal dari kawasan bandar.

**Rajah 2: Taburan Responden Mengikut Kawasan Penempatan**

**KAWASAN PETEMPATAN**

267 responses




Rajah 3 pula menunjukkan bahawa majoriti responden masih lagi belajar tetapi dalam masa yang sama merupakan pekerja di pelbagai sektor pekerjaan (72.3%), 15.4% bekerja sebagai kakitangan kerajaan, dan selebihnya iaitu sejumlah 12.3% merupakan individu yang bekerja samada di sektor pekerjaan swasta, bekerja sendiri/berniaga, pekerja keluarga tanpa gaji, suri rumah, pesara, tidak bekerja ataupun bekerja sendiri (petani). Manakala bagi pecahan bilangan informan kumpulan fokus pula, didapati sejumlah 2 orang (20.0%) bekerja di sektor awam, dan masing-masing 1 orang (10.0%) berkerja di sektor swasta, bekerja sendiri/berniaga, pekerja keluarga tanpa gaji, suri rumah, pelajar, pesara, tidak bekerja dan bekerja sendiri (petani).

**Rajah 3: Taburan Responden Mengikut Pekerjaan Semasa**

**PEKERJAAN SEMASA**

267 responses



### ***Dasar BDR dan Kesejahteraan Keluarga***

Bahagian ini memaparkan hasil analisis data yang diperolehi bagi menunjukkan sejauhmanakah dasar BDR menjadi penentu kepada kesejahteraan keluarga di Sabah dan Sarawak.


#### ***BDR Perlu Dikekalkan Mengikut Kesesuaian Pekerjaan***

Antara elemen kesejahteraan keluarga yang dinilai ialah keterujaan responden terhadap prospek pengekalan BDR mengikut kesesuaian pekerjaan. Bagi persoalan berkaitan hal ini, Rajah 4 menunjukkan bahawa sejumlah 190 responden (71.1%) amat menyokong atau teruja mencadangkan supaya BDR dikekalkan mengikut kesesuaian pekerjaan. Manakala selebihnya iaitu sejumlah 77 responden (28.9%) tidak teruja terhadap idea pengekalan BDR mengikut kesesuaian pekerjaan. Perkara ini sesungguhnya berlaku disebabkan keselesaan majoriti daripada responden untuk terus bekerja di rumah kerana yakin terhadap keupayaan diri sendiri terhadap peranannya dalam keluarga serta ahli keluarga yang lain. Sebagaimana menurut key informan yang ditemubual, antara sebab kebanyakan responden berpendapat bahawa BDR perlu dikekalkan mengikut kesesuaian pekerjaan ialah disebabkan keselesaan majoriti daripada responden untuk terus bekerja di rumah kerana yakin terhadap keupayaan diri sendiri terhadap peranannya dalam keluarga serta ahli keluarga yang lain.

#### **Rajah 4: Maklumbalas Responden Terhadap Potensi Pengekalan BDR**

Dasar Bekerja Dari Rumah (BDR) perlu dikekalkan mengikut kesesuaian pekerjaan.

267 responses



Malahan terdapat juga informan yang ditemubual menegaskan bahawa BDR amat baik dikekalkan sekiranya bidang pekerjaan terlibat bersesuaian. Ini kerana mereka lebih berkeyakinan untuk menunaikan tanggungjawab mereka dengan perasaan bahagia Bersama seluruh ahli keluarga. Informan juga mempunyai kecenderungan untuk menegaskan bahawa BDR masih perlu untuk menerapkan nilai-nilai kesejahteraan keluarga. Namun sedikit penambahbaikan diperlukan ke-atas kaedah pelaksanaan dasar tersebut.

#### ***BDR dan Ruang Masa Bersama Keluarga***

Rajah 5 menunjukkan bahawa hanya seramai 15 orang (5.6%) yang berpendapat bahawa pelaksanaan BDR tidak mewujudkan lebih banyak masa mereka untuk bersama keluarga. Sebaliknya, seramai 242 responden (94.4%) atau hampir keseluruhan responden berpendapat bahawa pelaksanaan BDR telah mewujudkan lebih banyak masa untuk mereka bersama keluarga. Hal ini dianggap oleh informan yang ditemutunya sebagai sesuatu yang sewajarnya




berlaku kerana ketika BDR semua ahli keluarga berada di rumah. Ketika kesemua ahli keluarga berada di bawah bumbung yang sama maka akan berlaku ruang interaksi yang lebih luar dan sudah semestinya diperlukan oleh mana-mana institusi kekeluargaan.

### Rajah 5: Maklumbalas Responden Terhadap Ruang Masa Bersama Keluarga

Bekerja dari rumah memberi saya lebih banyak masa bersama keluarga.

267 responses




### *BDR dan Prospek Penyelesaian Masalah*

Item soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik turut mengetengahkan persoalan samada BDR membantu responden menyelesaikan masalah penjagaan anak. Item soalan ini dikemukakan bagi menilai peningkatan kesejahteraan keluarga semasa PKP. Dalam pada itu, Rajah 6 menunjukkan bahawa hanya seramai 32 orang (12.0%) responden yang berpendapat bahawa pelaksanaan BDR membantu responden menyelesaikan masalah penjagaan anak. Manakal majoriti atau hampir keseluruhan responden iaitu seramai 32 orang (12.0%) responden berpendapat bahawa pelaksanaan BDR membantu mereka menyelesaikan masalah penjagaan anak. Ini bermakna pelaksanaan BDR menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan keluarga penduduk di Sabah dan Sarawak secara amnya. Hal ini, sebagaimana menurut informan yang ditemubual adalah disebabkan peningkatan kesedaran setiap ahli keluarga tentang peranan masing-masing. Kesan baik daripada kesedaran ini adalah suatu yang wajar dikekalkan.

## Rajah 6: Maklumbalas Responden Terhadap Prospek Penyelesaian Masalah

Bekerja dari rumah membantu saya menyelesaikan masalah penjagaan anak  
267 responses




### *BDR dan Prospek Pelaksanaan Tugas*

Ketergantungan seseorang yang amat ketara terhadap pemantauan pekerjaan merupakan suatu hal yang amat merugikan. Ini kerana mereka yang terlibat sudah pastinya tidak akan mampu berkembang dengan baik apabila mereka sentiasa memerlukan orang lain untuk membimbing mereka dalam pekerjaan. Sedangkan setiap bidang pekerjaan menghendaki seseorang supaya lebih berdikari dan inovatif. Kedua-dua hal ini tidak mungkin ada sekiranya seseorang itu masih amat sukar melaksanakan tugas yang diamanahkan kepada mereka dengan pemantauan yang minimum. Bertepatan dengan itu maka elemen pelaksanaan tugas dengan pemantauan minimum turut dinilai dalam kajian ini dan dapatan kajian tersebut dipaparkan dalam Rajah 7. Rajah 7 menunjukkan bahawa majoriti responden atau seramai 245 orang (91.7%) responden dapat melaksanakan tugas yang diamanahkan kepada mereka dengan pemantauan minimum berikutan pelaksanaan BDR. Ini bermakna hanya sejumlah kecil iaitu seramai 12 orang (8.3%) responden gagal atau kurang berjaya melaksanakan tugas yang diamanahkan kepada mereka dengan pemantauan minimum berikutan pelaksanaan BDR. Justeru itu, dapatan kajian ini menjelaskan bahawa BDR menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan keluarga di Sabah dan Sarawak. Ini disebabkan, sebagaimana menurut informan yang ditemubual, pelaksanaan BDR memacu peningkatan daya upaya untuk bekerja lebih berdikari dan inovatif kepada hampir keseluruhan ahli keluarga dalam mana-mana keluarga di Sabah dan Sarawak.

### Rajah 7: Maklumbalas Responden Terhadap Prospek Pelaksanaan Tugas

Saya dapat melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan pemantauan yang minimum.

267 responses




#### *BDR dan Prospek Penjimatan*

Maklumbalas responden terhadap prospek penjimatan juga dinilai dalam kajian ini sebagai salah satu elemen kesejahteraan keluarga. Bagi tujuan ini, responden diminta menjawab soalan samada mereka bersetuju bahawa BDR membantu mengurangkan perbelanjaan isirumah. Sehubungan itu, Rajah 8 menunjukkan bahawa seramai 170 responden (63.7%) sangat bersetuju atau amat yakin bahawasanya BDR dapat membantu mengurangkan perbelanjaan isirumah. Namun, terdapat sejumlah 97 responden (36.3%) tidak bersetuju atau tidak yakin bahawa BDR dapat membantu mengurangkan perbelanjaan isirumah

### Rajah 8: Maklumbalas Responden Terhadap Prospek Penjimatan

Bekerja dari rumah membantu mengurangkan perbelanjaan isi rumah.

267 responses



Apabila ditanya tentang potensi sumbangan BDR terhadap aspek pengurangan perbelanjaan isi rumah, informan yang ditemubual menegaskan bahawa perbelanjaan yang tidak sepatutnya akan tidak lagi wujud apabila ahli keluarga berada di rumah sepanjang masa. Malahan, para

informan juga beranggapan bahawa pelaksanaan BDR menyebabkan pelbagai pihak menyumbang. Ini secara langsung membantu mengurangkan perbelanjaan isi rumah.

### ***BDR dan Prospek Sokongan Keluarga***


Sokongan keluarga juga merupakan salah satu elemen kesejahteraan keluarga. Keluarga merupakan institusi yang paling kecil tetapi amat berperanan penting dalam aspek kesejahteraan sosial. Peranan yang dimainkan oleh ahli di dalam keluarga memberi impak yang sangat besar kepada kehidupan seseorang. Keluarga asas selalunya dianggotai oleh bapa, ibu dan anak-anak sahaja. Manakala keluarga luas akan dianggotai oleh ibu bapa, anak-anak, datuk dan nenek. Dewasa ini pelbagai bentuk keluarga telah dikenalpasti seperti keluarga sandwich, keluarga komuter, keluarga serak berai dan sebagainya. Dalam keluarga manapun kita berada sokongan sosial dilihat sebagai sesuatu yang sangat perlu. Sokongan sosial di dalam keluarga dilihat penting bagi memastikan kesejahteraan psikologi ahli-ahli dalam sesebuah keluarga.

Dalam kajian ini, usaha menilai samada BDR menyumbang kepada pengukuhan sokongan keluarga turut dinilai. Rajah 9 menunjukkan majoriti atau sejumlah 241 responden (90.3%) menyedari bahawa mereka mendapat sokongan sepenuhnya dari seluruh ahli keluarga ketika mereka bekerja di rumah. Sebaliknya hanya seramai 26 orang (9.8%) yang berpendapat bahawa mereka tidak mendapat sokongan sepenuhnya dari seluruh ahli keluarga ketika mereka bekerja di rumah. Ini bermakna, pelaksanaan BDR menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan keluarga di Sabah dan Sarawak apabila hampir kesemua keluarag di negeri ini menjadi keluarga yang sentiasa menyokong antara satu dengan yang lain.

### **Rajah 9: Maklumbalas Responden Terhadap Prospek Sokongan Keluarga**

Keluarga saya sangat menyokong saya bekerja dari rumah.

267 responses



Informan bagi kajian ini menegaskan bahawa hubungkait diantara BDR dan peningkatan sokongan antara ahli keluarga nukanlah suatu hal yang menghairankan kerana BDR itu sendiri memaksa mereka saling menyokong. Sokongan berkenaan dilakukan bagi memastikan manfaat diperolehi oleh seluruh ahli keluarga.

### ***BDR dan Kesediaan Berbelanja untuk Keluarga***


Maklumbalas responden terhadap kesediaan berbelanja bagi membeli peralatan rumah yang diperlukan juga dinilai dalam kajian ini sebagai salah satu elemen kesejahteraan keluarga. Bagi tujuan ini, responden diminta menjawab soalan samada mereka bersedia membelanjakan

sedikit kos untuk menyediakan ruang kerja (mini office) di rumah. Sehubungan itu, Rajah 10 menunjukkan bahawa seramai 59 responden (22.1%) sangat bersetuju atau teruja untuk membelanjakan sedikit kos untuk penyediaan ruang kerja di rumah, 92 orang (34.5%) bersedia, 91 orang (34.1%) tidak pasti, 15 orang (5.6%) tidak berminat membelanjakan sedikit kos untuk penyediaan ruang kerja di rumah, dan hanya 1 orang (3.7%) sahaja yang sangat tidak berminat membelanjakan sedikit kos untuk penyediaan ruang kerja di rumah. Maka tidaklah menghairankan apabila informan yang ditemubual menegaskan bahawa BDR menyebabkan mereka lebih berminat berbelanja ke-atas pelbagai hal yang mampu menyenangkan hati semua ahli keluarga seperti pengeluaran dana untuk membayar kos penyediaan ruang kerja mereka sekeluarga. Oleh itu, adalah jelas bahawa BDR amat menyumbang kepada pengukuhan aspek kesejahteraan keluarga apabila ianya menyebabkan seluruh ahli keluarga berkeinginan mewujudkan suatu ruang yang mampu menghimpunkan mereka keseluruhannya, hidup Bahagia dan saling membantu.

### Rajah 10: Maklumbalas Responden Terhadap Kesiediaan Berbelanja

Saya bersedia membelanjakan sedikit kos untuk menyediakan ruang kerja (mini office) di rumah.

267 responses



### *BDR dan Penggunaan ICT*


Penggunaan teknologi terkini, khususnya kemudahan ICT merupakan petunjuk kepada kesejahteraan keluarga. Ini disebabkan oleh hakikat bahawa kecenderungan seisi keluarga untuk menggunakan teknologi baharu menandakan mereka sudah semakin maju dari segi psikologi, sahsiah diri serta ilmu dan kemahiran. Menyedari hakikat ini maka kecenderungan responden terhadap penggunaan kemudahan ICT berikutan pelaksanaan BDR juga turut dinilai dalam kajian ini. Dalam pada itu, Rajah 11 menunjukkan bahawa sejumlah besar responden iaitu seramai 185 orang (69.3%) mengakui menggunakan kemudahan ICT sepenuhnya dalam pekerjaan mereka berikutan pelaksanaan BDR. Kajian ini juga menunjukkan bahawa hanya seramai 82 responden (30.6%) yang tidak menggunakan kemudahan ICT sepenuhnya dalam bidang pekerjaan mereka. Hal ini berlaku mungkin disebabkan sifat pekerjaan mereka yang tidak memerlukan penggunaan ICT atau juga disebabkan mereka masih tidak mempunyai pengetahuan minimum berkaitan ICT. Sebagaimana menurut informan yang ditemubual bagi mendapatkan maklumat kualitatif kajian ini, faktor jenis pekerjaan dan pengetahuan amat penting dalam hal ini. Namun, sebahagian informan juga berpendapat bahawa ketiadaan akses terhadap ICT kerana mereka berada di luar bandar juga menjadi antara penyumbang kepada

kecenderunga sebahagian responden untuk tidak menggunakan kemudahan ICT dalam pekerjaan mereka.

### Rajah 11: Maklumbalas Responden Terhadap Prospek Penggunaan ICT

Saya menggunakan kemudahan teknologi (ICT) sepenuhnya dalam pekerjaan saya.

267 responses



### Rumusan

Berdasarkan analisis kajian yang dibentangkan maka bolehlah dikatakan bahawa secara umumnya, pandemik Covid-19 dan pelaksanaan PKP telah menjadikan pekerja melalui suatu era norma kehidupan berkeluarga yang baharu tanpa diduga apabila diperkenalkan dasar BDR. BDR telah dilaksanakan secara meluas sama ada di sektor kerajaan mahupun swasta. Pekerja yang BDR perlu berhadapan dengan kebiasaan kerja yang berbeza daripada biasa. Oleh itu, hasil kajian ini penting kerana ia dapat menunjukkan bahawa dasar BDR begitu signifikan apabila dikaitkan dengan faktor penentu kepada kesejahteraan keluarga. Impak kepada kesejahteraan keluarga dapat dilihat dari perspektif pekerja itu sendiri apabila maklumat kajian menunjukkan maklumbalas yang positif daripada pelaksanaan BDR.

Hasil kajian ini sewajarnya dapat dijadikan panduan oleh majikan atau organisasi untuk merangka sistem BDR yang lebih sempurna dan ideal selari dengan konsep kerajaan, iaitu kesejahteraan 'keluarga Malaysia'. Kesejahteraan keluarga adalah amat penting dalam proses pembinaan kemakmuran masyarakat dan negara. Oleh itu, dasar BDR perlu diteruskan untuk mendepani norma baharu dalam era endemik Covid-19. Dasar BDR mempunyai banyak kebaikan sekiranya mempunyai sistem yang baik dan mekanisme yang jelas. Kerjasama antara pekerja dan majikan merupakan kunci utama kejayaan dasar BDR.

### Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan melalui geran penyelidikan yang diberikan oleh pihak Universiti Malaysia Sabah iaitu geran SDG Research @Borneo (Kod Geran: SDG11-2020) dan diterbitkan melalui sebahagian dari dana Geran Penerbitan dari Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd iaitu Kod Geran TLS2109 yang bertajuk *Modern Trends in Social Sciences*.

## Rujukan

- Abdullah Ibrahim (2001). Penyelidikan kuantitatif dan kualitatif: kelebihan dan kekurangan, *Jurnal Akademik*, Jilid XII.
- Ationg, R., Ibrahim, M.A., Esa, M.S. & Layapan, M. (2020). Analisis pola pengundian dan senario politik semasa di Malaysia era pasca Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14 berdasarkan Pilihan Raya Kecil P186 Sandakan, Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(5), 60-71.
- Awan, A. G., & Tahir, M. T. (2015). Impact of working environment on employee's productivity: A case study of Banks and Insurance Companies in Pakistan. *European Journal of Business and Management*, 7(1), 329-345.
- Bakotic, D., & Babic, T. (2013). Relationship between working conditions and job satisfaction: The case of Croatian shipbuilding company. *International journal of business and social science*, 4(2), 206-213.
- Collins, J. H. (2009). The benefits and limitations of telecommuting. *Defense AR Journal*, 16(1), 55.
- Esa, M.S., Othman, I.W. Ationg, R. & Mokhtar, S. (2021). Pragmatik perintah pergerakan kawalan (PKP) ke atas pembangunan lestari sosioekonomi institusi kekeluargaan di Sabah: Diagnosis isu-isu semasa. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6. pp. 213-224.
- Esa, M.S. & Ationg, R. (2020). Menyingkap peristiwa penyingkiran Singapura dari Malaysia (1963-1965). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(120), 217-229.
- Hamdani, I.A, Mohd Fakhruddin, F. & Mohd Fakhruddin, F. (2021). Hubungan Antara Masalah Bekerja Dari Rumah (Bdr) Dan Isu Integriti Dengan Produktiviti Pekerja. *Conference Proceeding: Regional Seminar on Youth and Community Issues Series 2/2021*. Institute for Social Science Studies. 26th-27th October.
- Ipsen, C., van Veldhoven, M., Kirchner, K., & Hansen, J. P. (2021). Six key advantages and disadvantages of working from home in Europe during COVID-19. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 18(4), 1-17.
- Johnson, R. B. dan Onwuegbuzie, A. J. (2004). Mixed method research: a research paradigm whose time has come, *Educational Research*, 33 (7), 14-26.
- Nornadia, O. (2020). Perintah Kawalan Pergerakan (PKP): Kesedaran dan kesediaan penjawat awam bekerja secara dalam talian dalam Varia Ranah: Sorotan Ilmiah Perkhidmatan Awam. Jilid I & II. Putrajaya: Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Dasar, Jabatan Perkhidmatan Awam. 469-488.
- Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia. (2022). Dasar Bekerja Dari Rumah. Ceraian SR.4.1.2. Diakses pada dari <https://docs.jpa.gov.my/docs/myppsm/PPSM/SR/Waktu-bekerja/30/>.
- Rahman, A. A., Jasmin, A. F., & Schmillen, A. (2020). The Vulnerability of Jobs to COVID-19: The Case of Malaysia. *Economics Working Paper*, 20(9), 1-19.
- Rahman, A.T.A., Ationg, R. & Zulhaimi, N.A. (2017). A paradigm shift in understanding mixed method research: A Malaysian perspective. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 9(1), 46-56.
- Saludin, N. A., Karia, N., & Hassan, H. (2020). Working from Home (WFH): Is Malaysia ready for digital society. In *Entrepreneurship Vision 2020: Innovation, Development Sustainability, and Economic Growth-Proceedings of the 20th International Business Information Management Association Conference, IBIMA 2013* (pp. 981-989).
- Shareena, P., & Shahid, M. (2020). Work from home during COVID-19: Employees perception and experiences. *Global Journal For Research Analysis*, 9(5), 7-10.

Surat edaran penambahbaikan dasar Bekerja Dari Rumah bagi Pegawai Perkhidmatan Awam.  
(10 Mac 2022). Surat Edaran: JPA. SARAAN(2)256/6/31 Jil. 10(30).

Tumin, S. A. (2020). How common is working from home. KRI Discussion paper, 1-13.  
Diakses dari  
[http://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/DP\\_WFHv4\\_update  
d. pdf](http://www.krinstitute.org/assets/contentMS/img/template/editor/DP_WFHv4_update_d.pdf)